

28 DEC 2002

Mahathir-NAM

MAHATHIR MINTA KERJASAMA ATASI KESESAKAN SEMASA SIDANG NAM

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berpuas hati persiapan Malaysia sebagai tuan rumah sidang kemuncak ke-13 Negara-negara Berkecuali (NAM) Februari ini dan meminta orang ramai memberikan kerjasama terutama dalam mengatasi masalah kesesakan lalulintas yang mungkin berlaku semasa persidangan itu berlangsung.

Perdana Menteri berkata beliau agak bimbang dengan masalah kesesakan jalan raya di bandaraya semasa persidangan itu dan meminta kerjasama orang ramai meneruskan urusan harian dan pada masa yang sama mempermudah perjalanan delegasi ke lokasi mesyuarat.

Setakat ini segala kerja yang perlu dibuat telah dilakukan dan Malaysia mempunyai program yang lengkap bagi menjayakan mesyuarat itu dalam hasrat negara menjadi tuan rumah terbaik.

"Masalah besar ialah berkenaan trafik...kita akan mengadakan lebih 100 lokasi (tempat penginapan para delegasi persidangan) dan mereka tak boleh sampai (ke tempat persidangan) pada satu masa. Mereka datang secara berperingkat," katanya pada sidang media selepas mendengar taklimat persiapan negara sebagai tuan rumah bagi sidang kemuncak NAM XIII yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) 15 hingga 28 Feb depan.

"Ini bermakna dari hotel ke PWTC jalan mestilah dibuka untuk (lalu) mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata keadaan ini akan menyebabkan orang ramai menghadapi sedikit masalah kesesakan lalulintas kerana laluan yang dikenalpasti akan ditutup pada waktu tertentu bagi memudahkan delegasi persidangan sampai ke tempat persidangan.

Pihak urusetia dalam menyedari masalah yang mungkin timbul telah bersetuju agar waktu pembukaan persidangan dilewatkan sedikit ke pukul 10 pagi.

"Ini dengan harapan supaya orang ramai dapat keluar ke pejabat lebih awal supaya dapat tutup jalan untuk masa pendek dari 8 hingga 10 pagi," katanya.

Justeru beliau meminta kerjasama daripada orang ramai supaya keluar awal ke pejabat pada hari-hari berkenaan bagi memudahkan urusan persidangan di samping tidak mengganggu kerja mereka.

"Kita perlu beri imej yang baik kepada dunia iaitu orang ramai di Malaysia boleh bekerjasama menjayakan satu mesyuarat yang agak besar," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga meminta orang ramai supaya memberikan kerjasama kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang akan mengadakan beberapa siri ujian percubaan sebagai persiapan menghadapi persidangan itu nanti.

Terdahulu beliau mendengar taklimat daripada Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar mengenai persiapan Malaysia sebagai tuan rumah NAM serta taklimat daripada beberapa agensi kerajaan yang berkaitan.

Perdana Menteri juga meninjau Dewan Tun Razak yang menjadi bilik menunggu bagi para delegasi serta Dewan Merdeka yang akan menjadi tempat persidangan itu nanti.

-- BERNAMA

AKT AFY RON